

Newspaper	Sinar Harian
Date	23 October 2015

Tiga kertas siasatan terhadap Tun M

MOHD HAFIZ ISMAIL

KUALA LUMPUR - Polis telah membuka tiga kertas siasatan berhubung aduan terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, daripada tiga kertas siasatan tersebut, dua daripadanya melibatkan siasatan yang sedang dijalankan manakala satu lagi kertas siasatan sudah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk arahan selanjutnya.

"Pihak polis telah membuka dua kertas siasatan terhadap aduan yang dibuat terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad iaitu berkaitan Klang Report 33074/14 dan disiasat di bawah

Seksyen 500 Kanun Keseksaaan kerana mengeluarkan kenyataan berbau fitnah.

"Kertas siasatan akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk ulasan dan arahan lanjut setelah siasatan selesai dijalankan!" katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan **Tan Kk Wai (DAP-Cheras)** yang meminta Timbalan Perdana Menteri menyatakan hasil siasatan dan tindakan yang diambil ke atas Dr Mahathir.

Menurut Ahmad Zahid, satu lagi kertas siasatan berkaitan Jinjang Report dan ia telah



AHMAD ZAHID

dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara pada 9 Oktober lepas untuk arahan selanjutnya.

"Pihak polis juga menjalankan siasatan berkait Jinjang Report 18448/2015 dan siasatan di bawah Seksyen 500 Kanun Keseksaaan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Zahid berkata kerajaan mencadangkan supaya semua ahli Jawatankuasa Kira-

Wang Negara (PAC) mengangkat sumpah menyimpan rahsia apabila dilantik menduduki jawatankuasa berkenaan

Beliau berkata, ia bagi memastikan apa sahaja yang dibincangkan oleh ahli jawatankuasa

tidak didedahkan kepada umum

"Cadangan ini telah dimaklumkan kepada Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia dalam Mesyuarat Jawatankuasa Ahli Lembaga Pemilih.

"Saya telah minta setiap ahli PAC untuk menyimpan segala rahsia.

"Bagaimanapun, usul seperti itu perlu dirujuk kepada pakar undang-undang terlebih dahulu," katanya.

Menurut Ahmad Zahid, amat penting untuk ahli PAC tidak membocorkan sebarang maklumat dalam mesyuarat termasuk percanggahan pendapat dalam satu-satu isu.

"Sebarang kenyataan perlu dibuat secara rasmi oleh PAC dan bukan dari pandangan individu itu sendiri," katanya.

Sinar Harian - 23/10/2015